



JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA,
JALAN DATO' ONN
50502 KUALA LUMPUR

Telefon: 2932255
Kawat : PERDANA
Fax : 2914132

Rujukan Kami : PM.10034 Jld. 7()

Tarikh : 3 September 1996.

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan
Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Pihakberkuasa-Pihakberkuasa Kerajaan Tempatan

SURAT PEKELILING AM BIL. 4 TAHUN 1996

**TUGAS RASMI PEGAWAI DAERAH/KETUA JAJAHAN,
PENOLONG PEGAWAI DAERAH/PENOLONG KETUA JAJAHAN
DAN PEGAWAI-PEGAWAI PIHAKBERKUASA KERAJAAN
TEMPATAN DALAM MENGENDALIKAN URUSAN YANG
BERKAITAN DENGAN AKTIVITI PILIHANRAYA**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan tugas pengendalian urusan pilihanraya kepada Pegawai Daerah/Ketua Jajahan, Penolong Pegawai Daerah/Penolong Ketua Jajahan dan Pegawai-Pegawai Pihakberkuasa Kerajaan Tempatan sebagai tugas rasmi.

LATAR BELAKANG

2. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen. Ciri utama negara yang mengamalkan sistem ini ialah pelaksanaan proses pilihanraya.

3. Bagi menjamin sesuatu pilihanraya dapat dijalankan dengan baik, adil dan saksama, Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan supaya ditubuhkan sebuah badan bebas yang dikenali sebagai Suruhanjaya Pilihanraya yang mempunyai tugas dan fungsi seperti berikut:

- 3.1 Mempersempadankan semula bahagian-bahagian pilihanraya.
- 3.2 Mendaftarkan pemilih dan menyemak daftar pemilih.
- 3.3 Menjalankan pilihanraya.

4. Pegawai Daerah/Ketua Jajahan, Penolong Pegawai Daerah/Penolong Ketua Jajahan dan Pegawai-Pegawai Pihakberkuasa Kerajaan Tempatan boleh dilantik sebagai Pegawai Pilihanraya mengikut peruntukan di dalam Akta Pilihanraya 1958. Pegawai Daerah/Ketua Jajahan, Penolong Pegawai Daerah/Penolong Ketua Jajahan dan Pegawai-Pegawai Pihakberkuasa Kerajaan Tempatan dilantik sebagai:

- 4.1 Pegawai Penyemak, Pegawai Pendaftaran dan Timbalan Pegawai Pendaftaran semasa urusan pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar pemilih dijalankan.
- 4.2. Sebagai Pegawai Pengurus dan Penolong Pegawai Pengurus semasa pilihanraya.

Pada masa ini tugas-tugas di atas pada dasarnya bukan tugas utama pegawai berkenaan. Memandangkan pentingnya pengurusan aktiviti pilihanraya, pegawai-pegawai yang dilantik perlu memberikan komitmen yang sepenuhnya terhadap tugas tersebut bagi memelihara kewibawaan Suruhanjaya Pilihanraya sebagai badan bebas yang bertanggungjawab untuk mengendalikan urusan pilihanraya. Dengan demikian, adalah wajar tugas-tugas pilihanraya menjadi sebahagian daripada tugas rasmi Pegawai Daerah/Ketua Jajahan, Penolong Pegawai Daerah/Penolong Ketua Jajahan dan Pegawai-Pegawai Pihakberkuasa Kerajaan Tempatan. Kerajaan dengan ini memutuskan tugas-tugas sebagai Pegawai Pilihanraya diiktiraf sebagai tugas rasmi Pegawai Daerah/Ketua Jajahan, Penolong Pegawai Daerah/Penolong Ketua Jajahan dan Pegawai-Pegawai Pihakberkuasa Kerajaan Tempatan.


5. Ketua-ketua Jabatan sama ada di peringkat Pusat, Negeri, Daerah dan Kerajaan Tempatan adalah diminta memberikan kerjasama dan sokongan kepada Pegawai Daerah/Ketua Jajahan, Penolong Pegawai Daerah/Penolong Ketua Jajahan dan Pegawai-Pegawai Pihakberkuasa Kerajaan Tempatan dari masa ke semasa dalam mengendalikan urusan yang berkaitan dengan aktiviti pilihanraya.

6. Oleh itu, pegawai-pegawai yang dilantik sebagai Pegawai Pilihanraya boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan masing-masing sekiranya didapati cuai dan menyalahgunakan kedudukan mereka.

PEMAKAIAN

7. Surat Pekeliling Am ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh pengeluarannya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID)
Ketua Setiausaha Negara

DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR
1996